

UNTUK SIARAN SEGERA

14 SEPTEMBER 2020

UEM Edgenta Beri Nafas Baharu Kepada SK Bota Kiri Melalui Kerja-kerja Penambahbaikan

Komitmen terhadap tanggungjawab korporat diteruskan untuk memanfaatkan 300 murid-murid melalui sumbangan penambahbaikan fasiliti sekolah

BOTA, 14 September – UEM Edgenta Berhad (“UEM Edgenta” atau “Syarikat”) meneruskan komitmennya dalam program Tanggungjawab Korporat (“CR”) untuk memberikan impak positif kepada masyarakat di sekitar rangkaian operasinya melalui penglibatan dengan salah sebuah sekolah tertua di Perak Tengah, Sekolah Kebangsaan Bota Kiri (“SKBK” atau “Sekolah”), baru-baru ini.

Sejak beberapa minggu yang lalu, Syarikat telah bekerjasama dengan pihak Sekolah untuk melakukan pelbagai kerja penambahbaikan termasuklah menyumbang papan putih baharu dan pembahagi kelas (“*roller shutters*”) yang tahan lasak di bilik darjah dan makmal, serta penyaman udara perindustrian baharu di dewan utama Sekolah, antara lain. UEM Edgenta, melalui kepakarannya dalam pengurusan fasiliti bersepadu turut menjalankan perkhidmatan sanitasi dan menyah kuman di seluruh bilik darjah, pejabat dan kawasan kantin Sekolah.

Program CR tersebut turut dimeriahkan dengan aktiviti gotong-royong yang melibatkan kerjasama antara sukarelawan UEM Edgenta, guru-guru, para ibu bapa dan murid-murid SKBK. Ini termasuklah mengecat beberapa bahagian bangunan Sekolah dan lintasan zebra (“*zebra crossing*”), memasang papan tanda sekolah baharu, aktiviti keceriaan landskap di kawasan taman Sekolah serta menghias semula bilik darjah dan kawasan umum Sekolah.

Inisiatif penambahbaikan ini akan memberi manfaat kepada 300 orang murid-murid SKBK yang kini dapat menikmati persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif dan selesa serta meningkatkan prestasi pendidikan dan perkembangan sahsiah diri mereka.

“Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, kami komited untuk mendukung kesejahteraan masyarakat di sekitar rangkaian operasi kami. Kami juga berterima kasih kepada pihak SKBK atas peluang untuk bekerjasama dalam program ini. UEM Edgenta

berharap usaha ini dapat memberikan persekitaran yang lebih selesa dan kondusif kepada murid-murid untuk belajar dan beriadah serta menyuntik semangat mereka untuk mencapai kecemerlangan di Sekolah,” kata Dr. Nik Fawaz Nik Abdul Aziz, Pengarah Urusan Edgenta Mediserve Sdn. Bhd., anak syarikat UEM Edgenta yang menyediakan perkhidmatan sokongan hospital di semua hospital Kementerian Kesihatan Malaysia (“KKM”) di Perak.

Menurut Guru Besar SKBK, Farahdila Abu Seman, “Kami berterima kasih atas sokongan UEM Edgenta yang sudah pastinya akan memberi manfaat kepada murid-murid kami, serta masyarakat setempat secara keseluruhannya. Ini adalah pengalaman yang bermakna bagi semua pihak berkepentingan, termasuklah guru-guru, para ibu bapa dan murid-murid untuk bersama-sama menjayakan aktiviti gotong-royong pada hari ini dalam usaha untuk menambah baik fasiliti di Sekolah.”

Pada majlis tersebut, UEM Edgenta juga turut menyampaikan sumbangan tambahan kepada 58 orang murid-murid dari golongan Asnaf, yang merangkumi bahan pembelajaran dan peralatan sekolah yang lain. Turut hadir pada majlis tersebut ialah Tuan Haji Mohd Fathilah Mohd Noor, Pegawai Pendidikan Daerah Perak Tengah, Sr. Dr. Mohd Azian Zaidi, Timbalan Rektor Hal Ehwal Pelajar, Kampus Seri Iskandar UiTM Cawangan Perak dan Noraslina Sabtu, Pengerusi Persatuan Ibu Bapa dan Guru SKBK.

-Siaran Media Tamat-

Mengenai UEM Edgenta Berhad

UEM Edgenta (www.uemedgenta.com) adalah syarikat Pengurusan Aset dan Penyelesaian Infrastruktur terkemuka di rantau ini dan anak syarikat UEM Group. Disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (KLSE: EDGENTA), kepakaran kami meliputi bahagian Healthcare Support dan Property & Facility Solutions, serta Infrastructure Services yang merangkumi penyelesaian untuk lebuhraya dan rel, termasuk pengurusan projek & perkhidmatan kejuruteraan menerusi OPUS Consultants.

Perkhidmatan menyeluruh UEM Edgenta merangkumi sepanjang kitaran hayat aset termasuk perundingan, perolehan dan perancangan pembinaan, operasi dan penyelenggaraan serta pengoptimuman, pemulihan dan naik taraf. UEM Edgenta beroperasi merentasi Malaysia, Singapura, Indonesia, Taiwan, India dan Emiriah Arab Bersatu.

Dikeluarkan oleh UEM Edgenta Berhad pada tarikh seperti yang disenaraikan di atas. Sila hubungi Juliana Jamaluddin (juliana_jamaluddin@edgenta.com / 012 340 9438) jika anda mempunyai sebarang pertanyaan berkaitan.